

28 APR 1997

## FIRMA BUMI GUNA TEKNOLOGI WAYARLES UNTUK PERANGKAIAN KOMPUTER 20 MULTIMEDIA

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Camro Technology Sdn Bhd, syarikat teknologi maklumat (IT) terkemuka Bumiputera yang kini berada di barisan hadapan dalam memajukan perkakasan dan perisian untuk penggunaan Komputer Dalam Pendidikan, telah memeterai perjanjian AS\$30 juta (RM75 juta) dengan Tetherless Access Limited (TAL) dari Sunnyvale, California.

Perjanjian usaha sama 50:50 yang ditandatangani di San Francisco pada 16 April lepas, akan membolehkan Camro menyediakan rangkaian komputer berprestasi tinggi tetapi berkos rendah dengan menggunakan teknologi radio wayarles di Malaysia.

TAL adalah syarikat pegangan persendirian yang dimiliki oleh sekumpulan pelabur rakyat Amerika Syarikat dan Asia menerusi Tetherless Access Asia Ltd (TAAL), yang juga memiliki 60 peratus kepentingan American Phoenix Group Inc, sebuah syarikat yang disenaraikan di NASDAQ.

Naib presiden kanan Camro, Haji Shamsul Azhar, memberitahu Bernama hari ini bahawa usaha sama dengan TAL akan membolehkan Camro menghubungi kawasan luar bandar di mana pemasangan talian tetap akan menelan belanja yang besar.

Katanya teknologi radio wayarles berguna dalam menyokong program makmal komputer Kementerian Pendidikan bagi membolehkan semua sekolah, terutamanya di kawasan luar bandar, dihubungi dengan internet, sebuah projek yang mendapat perhatian menteri pendidikan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak.

"Teknologi radio wayarless mempunyai masa depan yang cerah di Malaysia, memandangkan minat yang memberangsangkan dalam internet dan perhubungan berasaskan intranet," kata Haji Shamsul, sambil menambah bahawa Camro sedang berbincang dengan Telekom Malaysia Berhad untuk menyediakan perkhidmatan seumpama itu kepada syarikat telekomunikasi itu.

Sejak satu setengah tahun kebelakangan, TAL serta syarikat induknya, Tetherless Access Asia Ltd (TAAL), telah memasang rangkaian seumpama itu di Amerika Syarikat, Argentina, New Zealand, Australia, China, Afrika Selatan dan Filipina.

Haji Shamsul berkata sambutannya adalah positif dan ini dapat dilaksanakan dengan TAL berkongsi risiko pelaksanaan dan operasi rangkaian internet dengan rakan kongsi tuan rumah.

Beliau juga berkata usaha sama dengan TAL akan membolehkan Camro untuk membangun dan membuat pengkhususan teknologi tertentu yang akhirnya digunakan untuk menyediakan peluang bagi perkakasan komputer dibuat di negara ini.

TAL terkenal dengan aplikasi internet segeranya di mana pelaksanaan rangkaian internet awam secara besar-besaran boleh dibuat dalam tempoh kurang 72 jam.

Dengan teknologi terbaru dan termaju, rangkaian radio wayarles TAL mampu menyalurkan data elektronik, bahan grafik dan gambaran tele-video pada purata 450 kilobait sesaat dan boleh dihubungi di pelbagai tempat dalam jarak lingkungan 85 km.

Haji Shamsul berkata: "Apabila ini berlaku, seseorang itu boleh menggunakan sambungan wayarless TAL sebagai rangkaian perhubungan data persendirian, terutamanya bagi institusi kewangan dan badan-badan korporat yang mempunyai banyak cawangan di negara ini.

"Apa yang menarik di sini ialah pengalaman silam telah menunjukkan bahawa terdapat penjimatan antara 30 dan 50 peratus menerusi teknologi radio wayarles TAL jika dibanding dengan kemudahan telefon talian tetap.

Katanya Camro, sebagai menyahut seruan perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada ahli teknologi Bumiputera menyertai projek yang terbabit dalam koridor raya multimedia, telah menyahut cabaran tersebut untuk menyertai industri IT teknologi tinggi dengan menubuhkan pusat-pusat penyelidikan dan pembangunan bagi mereka bentuk dan mendirikan komputer rangkaian multimedia internet dan intranet serta menubuhkan rangkaian radio wayarles berprestasi tinggi.

Di samping TAL, Camro sejak akhir-akhir ini telah berganding bahu dengan beberapa syarikat dalam perangkaian komputer seperti Network Computer Inc (NCI) dari Amerika Syarikat, syarikat milik Oracle Ltd, bagi mempertingkatkan tahap kepakarannya dalam membangunkan penyelesaian komputer bagi persekitaran Malaysia.

Haji Shamsul menyatakan bahawa menjelang bulan depan, merancang untuk melancarkan program rangkaian multimedia yang pertama dikenali sebagai "MAY-NET" untuk sekolah, pusat pengajian tinggi dan pengguna isi rumah.

Katanya Camro akan juga memperkenalkan komputer rangkaian multimedia yang mesra pengguna, berprestasi tinggi dan murah dan mampu menghubungi internet di bawah harga RM1,000.

Haji Shamsul juga berkata Camro sedang berbincang dengan Yayasan Pelajaran Mara (YPM) untuk menghubungkan kolejnya dan pusat program pengajian jarak jauh dengan menggunakan teknologi NC. -- BERNAMA

SHY MA/sia